| Headline | Jangan salah guna gelaran, darjah | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 02 Jun 2016 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 171,663 |
| Page No | 28 | Readership | 563,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 280 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,585 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 16,755 |



Peringatan Sultan Sharafuddin kepada rakyat Selangor

# Jangan salah guna gelaran, darjah

**Oleh ZABRY MOHAMAD**
pengarang@utusan.com.my

**SHAH ALAM 1 JUN**

SULTAN Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menitahkan rakyat khususnya di negeri ini supaya tidak menyalahgunakan gelaran dan darjah kebesaran yang dianugerahkan oleh baginda.

Setiausaha Dewan Diraja Selangor, Hanafisah Jais berkata, kegagalan mematuhi larangan tersebut boleh menyebabkan mereka dikenakan hukuman berat termasuk penjara.

"Sultan Selangor setelah mempengerusikan sidang Mesyuarat Dewan Diraja Selangor Ke-143 pada 30 Mei lalu menitahkan agar rakyat dapat mematuhi Enakmen Lambang-Lambang dan Nama-Nama (Mencegah Daripada Salah Guna) (Pindaan) 2016 yang diluluskan, 1 April lalu.

"Baginda menitahkan agar rakyat negeri ini menghindari segala larangan yang termaktub dalam enakmen tersebut bagi mengelak tindakan denda yang lebih berat atau penjara atau kedua-duanya sekali yang sekarang telah dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa.

"Baginda juga mahukan rakyat mematuhi setiap undang-undang di negara ini untuk mengelakkan permasalahan agar masyarakat berbilang kaum dapat hidup dalam keadaan aman dan harmoni," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Sementara itu, sempena ketibaan Ramadan tidak lama lagi, baginda berharap rakyat dapat menjalani puasa dengan tabah agar segala amal ibadah yang dikerjakan diberkati serta diterima Allah.

**"Kegagalan mematuhi larangan tersebut boleh menyebabkan mereka dikenakan hukuman berat termasuk penjara."**

**HANAFISAH JAIS**
**Setiausaha Dewan Diraja Selangor**

Powered by: isentia

| Headline | Jangan salah guna gelaran, darjah | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 02 Jun 2016 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 171,663 |
| Page No | 28 | Readership | 563,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 280 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,585 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 16,755 |



SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH



Sanggup bayar sejumlah wang untuk perolehi anugerah

# Ribuan 'Datuk', 'Datuk Seri' tidak iktiraf

LAPORAN KHAS

BAHAGIAN PERTAMA

KUALA LUMPUR 9 JAN.

TIADA undang-undang khusus bagi mengawal perbuatan individu tertentu menganugerahkan darjah dan pingat sesuka hati dengan menggunakan pelba…ai gelaran memungkinkan jumlah …eka yang bergelar 'Datuk' dan …k Seri' tidak diiktiraf oleh …nan mencecah ribuan orang.

**MUKADIMAH** SEMALAM, sepatutnya berlangsung majlis penganugerahan darjah dan pingat oleh seorang wanita yang mendakwa dirinya Raja Kerinchi Tinggi Sumatera. Berdasarkan kad jemputan majlis itu akan diadakan di Sungai Rambai Melaka. Bagaimanapun kepantasan pihak polis menahan wanita itu berjaya menghalang satu lagi penganugerahan darjah dan pingat yang tidak diiktiraf oleh kerajaan.

Hakikatnya, majlis seumpama itu bukanlah pertama kali berlaku - malah sudah beberapa kali diadakan sehingga mewujudkan ramai yang bergelar 'Datuk' dan 'Datuk Seri' palsu. Persoalannya, kenapa perbuatan yang dianggap menghina institusi raja-raja tidak mampu dibanteras? Apakah puncanya? Apa modus operandi di sebalik penganjuran majlis tersebut?

Dalam laporan khas kali ini, wartawan *Mingguan Malaysia*, **ZULKIFLEE BAKAR** dan **MOHAMMAD YASIR JAAFAR** mendedahkan 'kegilaan' menganugerahkan darjah dan pingat oleh individu yang mendakwa mereka …

info

LATAR BELAKANG 'SULTAN…

**Sultan Melaka**
- **Nama sebenar:** Noor Jan Tuah
- **Pekerjaan:** Ahli Perniagaan
- **Umur:** 57 tahun
- **Gelaran digunakan:** Sultan Melaka, Raja Noor Jan Shah Raja Tuah
- **Dakwa keturunan:** Pewaris takhta Kesultanan Melaka
- **Pingat dan Darjah ditawarkan:**

**Bonda Ratu**
- **Nama sebenar:** Saripah Murliani
- **Pekerjaan:** Tukang urut dan bomoh
- **Umur:** 37 tahun
- **Gelaran digunakan:** Raja Kerinchi Tinggi Sumatera atau Bonda Ratu atau Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ratu Saripah Murliani Cahaya …

**Raja Naning**
- **Nama sebenar:** Nordin Abd. Jalil
- **Gelaran digunakan:** Dato' Undang Naning ke-21 Melaka dan Yang Amat Mul… Orang Kaya Seri Maharaja Merah.
- **Dakwa keturunan:** Institusi Adat Perpatih Naning
- **Pingat dan Darjah ditawarkan:**
  - Darjah Ibu Soko Naning (D.I.S.N) membawa gelaran Bonda.
  - Darjah Kerabat Undang Naning (D.K.U.N) membawa gelaran Dato' Paduka Diraja.

KERATAN *Mingguan Malaysia* 10 Januari 2016.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Bantah pusat peringatan, tempat abu mayat | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 02 Jun 2016 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 171,663 |
| Page No | 27 | Readership | 563,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 225 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,488 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 13,464 |



UTUSAN KOTA 27

Seksanya bila lif rosak...

# Bantah pusat peringatan, tempat abu mayat

**KLANG 1 Jun** - Kira-kira 50 penduduk Taman Bukit Lipat Kajang, di sini berhimpun bagi membantah pembinaan pusat peringatan dan tempat abu mayat oleh Majlis Perbandaran Klang (MPK) berhampiran kawasan penempatan mereka baru-baru ini.

Ketua MIC Bahagian Kota Raja, Datuk R.S. Maniam berkata, kawasan itu telah menempatkan sebuah tapak sembahyang mayat kaum Cina dan pembinaan sebuah lagi pusat seumpama itu akan menimbulkan masalah.

"Lokasi pembinaan pusat upacara peringatan dan kolumbarium ini tidak sesuai kerana terlalu hampir dengan kawasan perumahan iaitu hanya 80 meter daripada rumah penduduk.

"Penduduk telah membawa perkara itu ke pengetahuan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Alam Shah, V. Ganabatirau, namun tiada sebarang tidak diambil sehingga kini." katanya kepada pemberita.

Yang turut hadir, Presiden Persatuan Perpaduan Sejahtera Kebangsaan, M. Selventhiran.

Menurut Maniam, penduduk yang terdiri daripada masyarakat berbilang bangsa termasuk penghuni sebuah rumah orang tua kaum Cina, amat kesal dengan tindakan membenarkan projek itu dilaksanakan.

"Pembinaan pusat upacara peringatan dan tempat letak abu mayat ini menyebabkan kesesakan lalu lintas dan isu meletak kenderaan menjadi tidak terkawal.

"Selain itu, gangguan bunyi juga bertambah dan mengganggu kehidupan seharian penduduk kerana sudahpun terganggu akibat tempat sembahyang sedia ada," ujarnya.



**PENDUDUK mengadakan bantahan pembinaan pusat penyimpanan abu mayat yang berdekatan dengan Taman Bukit Lipat Kajang, Klang, Selangor, baru-baru ini. - UTUSAN/SAHARUDDIN ABDULLAH**

Powered by: isentia

Utusan Malaysia m/s 26

# IPD Kuala Selangor, jabatan kerajaan dan kelab 4x4 jayakan Kempen Go Green

**KUALA SELANGOR 1 Jun** - Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Selangor menyahut seruan ke arah pelaksanaan kempen Go Green dalam organisasi kerajaan seiring dengan inisiatif Go Green yang dilaksanakan Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang sejak 2012.

Program tersebut dijayakan kira-kira 100 peserta dari IPD Kuala Selangor, Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Kuala Selangor dan tiga kelab pacuan empat roda (4x4) masing-masing dari Setia Jaya dan Kuala Selangor.

Ketua Polis Daerah Kuala Selangor, Superintenden Ruslan Abdullah berkata, pelaksanaan program ini bagi mewujudkan persekitaran kerja yang indah, bersih dan selesa sekaligus dapat menaikkan imej yang baik kepada masyarakat.

"Kita mengadakan program Go Green dengan aktiviti membersihkan kawasan lapang sasar dan menanam pokok sebagai tanda kita prihatin dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar," katanya kepada *Utusan Malaysia* di Lapang Sasar IPD Kuala Selangor di Jeram, di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, dalam program itu sebanyak 50 pokok buah-buah tempatan ditanam seperti mangga harum manis, ciku, longan, kedondong, jambu madu, jambu batu, dan mata kucing yang disumbangkan oleh setiap bahagian di IPD, balai-balai polis dan kelab pacuan empat roda yang terlibat.

Menurut beliau, kawasan lapang sasar seluas kira-kira 6 hektar itu akan dibersihkan supaya nampak lebih lapang dan luas supaya kawasan itu dapat dimanfaatkan sepenuhnya pada masa akan datang.

"Bila lapang sasar ini dibersihkan dan diluaskan, lapang sasar ini dapat digunakan untuk latihan menembak menggunakan senjata seperti senapang, sub-mesingan dan sebagainya berbanding hanya pistol sebelum ini," katanya.

Beliau berkata, lapang sasar ini akan dilengkapkan dengan prasarana yang lebih baik secara berperingkat bukan sahaja untuk kegunaan latihan anggota malah organisasi berkaitan lain yang berminat juga boleh menggunakan lapang sasar tersebut.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | MPKj peruntuk RM10,000 kurangkan populasi gagak | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 02 Jun 2016 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 171,663 |
| Page No | 26 | Readership | 563,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 228 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,506 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 13,519 |




# MPKj peruntuk RM10,000 kurangkan populasi gagak

**KUALA LUMPUR 1 Jun** – Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (JPSPPA) Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) memperuntukkan sebanyak RM10,000 bagi memperhebat operasi menembak burung gagak.

MPKj dalam satu kenyataan memaklumkan, peruntukan itu disalurkan kepada Kelab Menembak Kajang (KMK) yang menjalankan siri menembak spesies burung berkenaan di sekitan kawasan Kajang.

"Sehingga hari ini sebanyak 804 ekor burung berjaya ditembak membabitkan beberapa kawasan antaranya di sekitar Bandar Tun Hussein Onn, Taman Taming Jaya, Taman Desa Baiduri dan Bandar Damai Perdana.

"Kita juga menerima sebanyak 28 aduan mengenai masalah itu yang menyebabkan kacau ganggu burung berkenaan serta mengotori kawasan kediaman, menyelongkar sampah serta najisnya yang memberi rasa kurang senang kepada penduduk," katanya di sini baru-baru ini.

Menurut kenyataan itu, kaedah melupuskan semua bangkai burung yang ditembak adalah dengan cara menanam di satu kawasan yang ditetapkan.

"Dengan adanya aktiviti menembak gagak di sekitar kawasan Dun Balakong, dapat mengurangkan aduan serta mengurangkan populasi gagak liar di lokasi tersebut dan secara tidak langsung dapat menyekat dari penularan wabak penyakit.

"Aktiviti ini juga akan dijadikan aktiviti rutin jabatan bagi menangani masalah gagak liar di kawasan operasi MPKj," jelasnya.



AHLI Kelab Menembak Kajang bergambar sebelum memulakan aktiviti menembak gagak di kawasan sekitar Balakong, Selangor, baru-baru ini.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Larang polistirena di bazar Ramadan | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 02 Jun 2016 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 171,663 |
| Page No | 26 | Readership | 563,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 395 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 7,807 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 23,421 |


UTUSAN KOTA

Hargailah sungai kita

Larang polistirena di bazar Ramadan

# Larang polistirena di bazar Ramadan

**KUALA LUMPUR 1 Jun** - Peniaga bazar Ramadan perlu menggunakan bekas makanan diperbuat daripada bahan organik bagi menggantikan polistirena dalam usaha meningkatkan kualiti alam sekitar.

Datuk Bandar Petaling Jaya Mohd. Azizi Mohd. Zain berkata, tiada alasan untuk para peniaga melanggar peraturan tersebut memandangkan kempen tidak menggunakan polistirena diperkenalkan sejak tiga tahun lalu.

Beliau berkata, mereka yang masih berdegil akan dikenakan kompaun sebanyak RM250 walaupun kesalahan pertama tanpa perlu surat amaran.

"Pada 2014, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah memberi kesedaran kepada pengguna tentang bahaya penggunaan polistirena dan pemberian mangkuk tingkat percuma kepada pengunjung manakala tahun lepas, bahan organik diberi secara percuma kepada peniaga.

"Selain itu, peniaga juga dinasihatkan agar menjaga kebersihan serta mengambil berat berkenaan kualiti makanan dijual supaya pembeli tidak mengalami keracunan makanan yang sekali gus berdepan dengan tindakan tutup gerai," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Kursus Pengendalian Makanan dan Cabutan Undian Tapak Bazar Ramadan Petaling Jaya yang berjalan serentak.

MBPJ memperuntukkan sebanyak 20 lokasi utama di sekitar Petaling Jaya yang melibatkan sebanyak 1,551 petak serta 1,333 peniaga.

Tambah Mohd. Azizi, sebagai langkah untuk menjadikan bazar ramadan kali ini sebagai bazar bebas sampah, MBPJ telah mengadakan dialog integriti bersama peniaga pada bulan April lalu.

"Kita tahu, tidak semua peniaga ini adalah golongan profesional yang telah biasa menjalankan perniagaan makanan. Mereka hanya berniaga pada bulan puasa bagi menambahkan pendapatan.

"Oleh sebab itu, terdapat beberapa penekanan yang telah diberikan terhadap integriti peniaga antaranya kebersihan dan kebersihan, aspek amalan hijau, pengitaran semula minyak masak, mengasingkan sisa makanan serta tidak meninggalkan struktur di lokasi," katanya lagi.


SEBAHAGIAN yang hadir pada Majlis Undian Tapak Bazar Ramadan Petaling Jaya di kawasan seliaan MBPJ.



MOHD AZIZI MOHD ZAIN (dua dari kiri) bertanya khabar kepada pemohon pada Majlis Undian Tapak Bazar Ramadan Petaling Jaya di Dewan Sivik MBPJ, Petaling Jaya, Selangor, semalam. - UTUSAN/ZAINI HUSIN

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | 2,000 pesawah desak PKR tangani masalah air | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 02 Jun 2016 | Color | Black/white |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 171,663 |
| Page No | 25 | Readership | 563,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 138 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,815 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 5,445 |



# 2,000 pesawah desak PKR tangani masalah air

**SABAK BERNAM 1 Jun** - Kira-kira 2,000 pesawah di Sungai Haji Dorani di sini mendesak kerajaan PKR Selangor mengambil langkah segera dan lebih peka terhadap isu serta keperluan golongan itu terutama dalam soal penyelenggaraan saliran dan kemudahan pam air khususnya pada musim kemarau.

Pesawah di kawasan sawah padi seluas kira-kira 3,000 hektar di situ kini berdepan situasi getir yang disifatkan paling buruk pada musim penanaman kali ini iaitu kekurangan air yang dikaitkan dengan faktor El Nino sehingga ada dalam kalangan mereka yang terpaksa menangguhkan penanaman padi antara dua minggu hingga sebulan dari tarikh jadual asal.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) Parit 2 dan 3 Sungai Haji Dorani, Robai Sukhaimi berkata, masalah berkenaan menyebabkan ada pesawah yang lewat menanam padi.

Menurutnya, Kerajaan Persekutuan telah membina Kolam Takungan Air Parit 4 Sungai Haji Dorani bagi berdepan musim kemarau namun keperluan pam yang disediakan oleh kerajaan negeri untuk mengalirkan air ke palung dan parit sedia ada masih tidak mencukupi.

"Palung yang sepatutnya membekalkan air ke sawah kering, nak pam air dari parit, parit pun kering juga," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Beliau menjelaskan, palung tersebut sudah berusia lebih 30 tahun dan ada bahagian yang sudah rosak dan berlubang.

"Walaupun ada kontraktor yang baiki tetapi tidak bertahan lama. Pada musim kemarau baru-baru ini, hanya bahagian pangkal palung (yang berdekatan dengan sumber air dipam) saja yang ada air tapi bahagian hujung kering, air tidak sampai," jelasnya.

"Kita harap kerajaan negeri tambah bilangan pam air terutama di kawasan rendah yang memerlukan bekalan air mencukupi untuk memastikan tanaman tidak bermasalah dan rosak," katanya.

Seorang pesawah, Azhar Harun, 45, memberitahu, kerajaan negeri perlu memantau kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor bertanggungjawab dalam kerja-kerja penyelenggaraan parit yang didakwa dilakukan sambil-lewa.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Antara 145 usia 90 tahun dan 690 undi rosak | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 02 Jun 2016 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 171,663 |
| Page No | 13 | Readership | 563,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 194 cm² |
| Journalist | ZULKIFLI JALIL | AdValue | RM 3,834 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 11,503 |



# Antara 145 usia 90 tahun dan 690 undi rosak

**FOKUS**


**Oleh ZULKIFLI JALIL**
pengarang@utusan.com.my


**SERAMAI** 145 pengundi kerusi Parlimen Sungai Besar berumur 90 ke atas.

Itu dikira rekod kategori umur sedemikian terbesar dalam mana-mana kerusi Parlimen.

Di mana mereka ini? Jangan diremehkan mereka ini kerana dengan bilangan sekecil itu sudah cukup menambah majoriti tipis 399 undi yang diraih Barisan Nasional (BN) tempoh hari.

Berdasarkan daftar pemilih 42,655 pengundi Sungai Besar hasil kemas kini 6 April lalu, jumlah pengundi berusia 40 tahun ke atas mengatasi pengundi muda 39 tahun ke bawah dalam kedudukan 60:40.

Yang muda telah berhijrah ke bandar. Tidak ramai mahu menjadi nelayan, pesawah atau mahu panjat pokok kelapa.

Parlimen Sungai Besar dulunya di bawah Tanjong Karang yang menjadi jelapang padi negara ini, selain jelapang sedia ada di Kedah dan (padi bukit) Bario, Sarawak.

Isu-isu nasional bukanlah sangat isu pilihan raya di Sungai Besar. Sebaliknya isu tempatan mendominasi kawasan itu.

Isu lembu masuk kandang orang, pasal batas padi pecah, air untuk pengairan kering waktu el Nino, semua itu mencengkam sanubari penduduk tempatan.

Isu IMDB dan cukai barang dan perkhidmatan (GST) secara melulu kurang mendapat tempat.

Yang menjadi perkiraan pengundi soal insentif hasil padi yang setiap tan berduit, itulah isunya. Selagi air mengalir, selagi itulah padi berbuah, itulah isunya.

Semua ini telah dirangkum kemas oleh kerajaan Pusat melalui pengumuman peruntukan dalam Bajet setiap tahun menerusi kementerian terbabit.

Sekitar rumah adik Ecah yang putus kedua-dua belah kakinya digilis lori Januari lalu itu lah medan kempen pilihan raya Sungai Besar sepatutnya. Bagaimana nak basahkan batas-batas sawah itulah yang akan menjadi penentu undian di Sungai Besar.

Takkanlah tauke-tauke padi di Sekinchan, Sungai Burong dan Sungai Besar begitu mudah melupakan jasa kerajaan Pusat.

Pada PRU-13, sejumlah 690 undi rosak di Sungai Besar yang mengatasi majoriti 399 undi.

Jumlah 145 pengundi 90 tahun ke atas dan 690 undi rosak dengan disertakan sekali 800 pengundi India jika 'kena cara aturannya', boleh menaikkan undi BN.

**info**

**P.093 PARLIMEN SUNGAI BESAR**

| | |
|---|---|
| **Jumlah Pengundi** | **: 42,655** |
| Pengundi Biasa | : **42,365** |
| Pengundi awal (Polis) | : **286** |
| Pengundi Tidak Hadir (PTH) Luar Negara | : **4** |
| Pengundi Lelaki | : **21,261** |
| Pengundi Wanita | : **21,394** |

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Kesetiaan calon Pas PRK Sungai Besar diragui | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 02 Jun 2016 | Color | Black/white |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 171,663 |
| Page No | 13 | Readership | 563,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 116 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,512 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,535 |



# Kesetiaan calon Pas PRK Sungai Besar diragui?

**PASIR PUTEH 1 Jun** - Dewan Ulama Pas Selangor mempertikaikan pemilihan Ahli Dewan Undangan (ADUN) Meru, Dr. Abdul Rani Osman sebagai calon parti itu dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar.

Perwakilan Selangor, Nik Bakri Nikmat berkata, mereka tidak meragui kredibiliti Abdul Rani, namun terdapat ramai lagi golongan profesional di negeri itu yang boleh dipertimbangkan sebagai calon untuk mewakili Pas.

Selain itu, beliau turut melabelkan kaedah pemilihan calon PRK Parlimen Sungai Besar yang digunapakai pucuk pimpinan sebagai kaedah 'pencuri lawan pencuri' atau 'harumanis lawan harumanis'.

"Maaf kalau nak beritahu, kaedah ini dipercayai terdapat dalam pemilihan calon. Kita cukup terbuka untuk menerima golongan profesional sebagai pemimpin, namun kita seboleh-bolehnya mahu yang tulen, bukan cetak rompak," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membahaskan ucaptama Ketua Dewan Ulama Pas dalam Muktamar Dewan Ulama Pas Ke-55 di sini hari ini.

Kritikan Nik Bakri itu dipercayai merujuk kepada hubungan baik Abdul Rani dengan barisan pemimpin PKR, DAP serta PAN sehingga menyebabkan tahap kesetiaannya terhadap Pas diragui.

Sementara itu Perwakilan Perak, Abdul Wahab Awang memberitahu, Dewan Ulama negeri itu melaksanakan beberapa inisiatif tambahan sebagai usaha membantu memenangkan calon Pas dalam PRK Parlimen Kuala Kangsar, Dr. Najihatussalehah Ahmad.

Kata beliau, antaranya menggerakkan pelajar-pelajar dari 14 maahad untuk membaca al-Quran beramai-ramai selama 24 jam sehari secara bergilir-gilir serta mengamalkan selawat sebanyak 4,444 dan zikir.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Bilangan pengundi Parlimen Sungai Besar menyusut | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 02 Jun 2016 | Color | Black/white |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 171,663 |
| Page No | 13 | Readership | 563,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 102 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,341 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,023 |



# Bilangan pengundi Parlimen Sungai Besar menyusut

**SHAH ALAM 1 Jun** - Daftar pemilih kawasan Parlimen Sungai Besar menyaksikan penyusutan jumlah pengundi kepada 42,655 berbanding 42,837 orang dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) lalu.

Pengarah Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Selangor, Ikmalrudin Ishak berkata, berdasarkan perangkaan daftar pemilih yang dikemaskini setakat 6 April lalu, 42,365 orang adalah pengundi biasa manakala 286 pengundi awal yang terdiri daripada anggota polis dan empat pengundi tidak hadir kerana berada di luar negara.

"Penurunan itu antaranya disebabkan ada pengundi meninggal dunia dan hilang kewarganegaraan. Bagaimanapun, kita tidak menerima sebarang laporan atau permohonan mengenai pertukaran alamat mengundi atau pertambahan pengundi baharu," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Tambah Ikmalrudin, dari segi pecahan pengundi mengikut jantina di Parlimen Sungai Besar, golongan wanita mewakili kumpulan terbesar iaitu 50.16 peratus atau 21,394 orang berbanding lelaki yang mewakili 49.84 peratus iaitu 21,261 orang pengundi.

Bagaimanapun, beliau berharap semua pengundi yang berdaftar menunaikan tanggungjawab mereka dalam Pilihan Raya Kecil Parlimen Sungai Besar pada 18 Jun ini selain menyasarkan lebih 80 peratus pengundi melaksanakan tanggungjawab itu.

"Berdasarkan rekod PRU-13 lalu, 88.3 peratus pengundi di kawasan Parlimen berkenaan menunaikan tanggungjawab mereka. Kita harapkan untuk PRK Parlimen Sungai Besar ini, jumlah yang turun mengundi lebih daripada kadar itu," jelasnya.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | ISU ISU AKHBAR CINA | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 02 Jun 2016 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 171,663 |
| Page No | 11 | Readership | 563,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 525 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 10,376 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 31,129 |



# ISU-ISU AKHBAR CINA

## PRK BERI ISYARAT KEPUTUSAN PRU-14

**AKHBAR** *Nanyang Siang Pau* bertarikh 30 Mei 2016 menyiarkan artikel mengenai pilihan raya kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar yang diadakan serentak pada 18 Jun ini manakala penamaan calon ditetapkan pada Ahad ini.

Artikel bertajuk *Kak Zizah tidak dapat kawal pemimpin-pemimpin liar* yang ditulis oleh Wang Kai Ying disiarkan dalam ruangan *Pendapat* halaman A13.

Walaupun kurang sedap disebut, hubungan parti-parti pembangkang ibarat pepatah tidur sebantal tetapi mimpi lain-lain. Walaupun ditubuhkan gabungan baharu iaitu Pakatan Harapan yang disertai DAP, PKR dan PAN; ketiga-tiga parti tetap tidak mempunyai mimpi dan impian sama.

Ini terbukti semasa Pilihan Raya Negeri (PRN) Sarawak Ke-11 baru-baru ini apabila berlaku pertembungan antara DAP dan PKR apabila masing-masing meletakkan calon di kawasan sama.

Dalam PRK kali ini, DAP menyokong PAN untuk meletakkan calon, tetapi PKR mengambil pendekatan berbeza apabila menyatakan kesediaan untuk meletakkan calon parti itu dan meminta Pas supaya memberi laluan.

Ketika PRK pun sudah bertelagah. Macam mana pula bila pakatan pembangkang menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) nanti? Sudah tentu kita tidak boleh menyatakan parti-parti pembangkang bersifat sehati sejiwa dan bermimpi perkara sama.

Yang paling malang ialah PAN. Keadaannya yang lemah kerana tiada sokongan akar umbi yang kuat menyebabkan parti itu sentiasa dibuli. PAN tidak boleh mengharapkan sokongan daripada Datuk Seri Anwar Ibrahim yang berada dalam penjara.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail dengan kedudukan sebagai isteri beliau pun tidak mampu mengawal sekumpulan 'gagak liar'.

Keadaan PAN sebagai pengganti Pas yang cukup lemah menyebabkan penyokong pembangkang tertanya-tanya adakah

Powered by: isentia

| Headline | ISU ISU AKHBAR CINA | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 02 Jun 2016 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 171,663 |
| Page No | 11 | Readership | 563,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 525 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 10,376 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 31,129 |

impian untuk mengubah kerajaan boleh menjadi kenyataan?

Penulis melihat ramai orang yang sebelum ini yakin dapat mengubah kerajaan berasa hampa dan menggeleng kepala kerana semua harapan mereka telah tersungkur ke lembah yang dalam.

Semuanya berpunca daripada sikap politikus pembangkang yang mementingkan diri dan tidak tahu malu untuk mengejar habuan besar. Pemimpin sedemikian tiada masa dan kekuatan untuk menguruskan negara.

Adakah mereka mampu mentadbir negara ini lebih baik daripada Barisan Nasional (BN)? Memang benar mereka menyatakan perkara itu hanya boleh diketahui jika pakatan pembangkang diberikan mandat untuk memerintah Kerajaan Pusat.

Bagaimanapun, persoalan itu sudah boleh dijawab jika kita melihat tindak-tanduk pakatan pembangkang yang memerintah Pulau Pinang dan Selangor.

Mereka sampai sekarang tidak mengiktiraf sijil sekolah menengah Cina serta gagal memberi subsidi kepada sekolah menengah Cina secara sistematik. Sikap ini jelas sekali tidak menghargai sokongan 85 peratus pengundi Cina yang memilih pakatan pembangkang pada PRU-13.

Situasi ini adalah umpama pepatah Cina setelah dapat menyeberangi sungai, jambatan dirobohkan. Pembangkang membiarkan pengundi yang menyokong mereka terkapai-kapai begitu sahaja.

Dalam keadaan pembangkang yang kucar-kacir sekarang, siapakah menjadi pilihan pengundi pada dua PRK kali ini dan PRU-14? Kebanyakan penganalisis politik berpendapat jika undi Melayu tidak berubah, BN berpeluang besar untuk menang dan kekal memerintah.

Penulis juga sependapat dengan penganalisis terbabit. Jika BN meniru kaedah yang digunakan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Adenan Satem yang mengiktiraf sijil sekolah menengah Cina dan melayan semua kaum dengan adil, undi kaum Cina akan kembali kepada BN.

Ini bermakna dua PRK kali ini akan menjadi permulaan untuk BN menarik semula sokongan kaum Cina.

## PEMBANGKANG KELAM-KABUT

**ISU** calon parti pembangkang manakah yang akan bertanding pada PRK Sungai Besar dan Kuala Kangsar turut diulas akhbar *Sin Chew Daily* bertarikh 28 Mei 2016.

Artikel yang ditulis oleh Chuang Min bertajuk *PAN berkeras, PKR kucar-kacir* disiarkan dalam ruangan *Pendapat Yan Lu* halaman 36.

Jika kita tumpukan kepada pakatan pembangkang sekarang, jelas kelihatan PAN tetap berkeras untuk meletakkan calon manakala PKR juga tidak mahu berganjak untuk meletakkan wakil mereka.

Seperti yang disebut Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, semua pihak perlu memberi beliau masa untuk mengadakan perbincangan dengan Pas bagi mendapat persetujuan agar parti itu hanya bertanding di Kuala Kangsar manakala di Sungai Besar akan ditandingi calon PKR.

Kata beliau, PAN kali ini hanya akan membantu PKR berkempen di Sungai Besar. Sebagai membalas kerjasama baik yang diberikan oleh PAN, parti itu akan diberi peluang bertanding di kawasan tidak strategik pada PRU-14 sebagai latihan kepada jentera parti itu yang tidak banyak pengalaman.

Kenyataan yang dibuat oleh Mohamed Azmin jelas menunjukkan beliau memandang rendah kemampuan PAN dan masih memandang tinggi terhadap Pas. Beliau menganggap Pas lebih mudah dibawa berbincang dan perlu diberikan lebih ruang sebagai rakan gabungan kepada PKR.

Pendirian Mohamed Azmin ini seolah-olah menunjukkan beliau memperkecilkan kerisauan rakan kongsinya DAP dan PAN yang melihat Pas telah berubah dan kembali menjadi sebuah parti konservatif.

Pas sekarang hidup dalam dunia mereka sendiri dan menganggap pengundi Melayu akan secara membuta tuli terus memberi sokongan kepada parti itu walaupun setelah beralih kepada dasar-dasar yang ala-Taliban.

Penulis merasa hairan kenapa Mohamed Azmin masih yakin Pas akan berkompromi sedangkan Presidennya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang tidak pernah mengeluarkan sebarang kenyataan yang menyatakan parti itu akan bertolak ansur.

Sebaliknya, Abdul Hadi telah banyak kali berkata Pas akan bertanding di dua PRK terbabit kerana Parlimen berkenaan secara tradisi adalah milik parti itu.

Sebenarnya semua orang telah pun tahu, PKR dan Pas sudah tiada ruang untuk berbincang. Untuk menyelesaikan krisis, eloklah PKR bertanding di Sungai Besar manakala PAN di Kuala Kangsar.

Powered by: isentia

| Headline | ISU ISU AKHBAR CINA | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 02 Jun 2016 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 171,663 |
| Page No | 11 | Readership | 563,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 525 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 10,376 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 31,129 |



# 旺姐压不住枭雄

希盟未必"同床同梦"

行动党高估自己



KERATAN *Nanyang Siang Pau* bertarikh 30 Mei 2016.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | ZIARAH MAKAM | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 02 Jun 2016 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 171,663 |
| Page No | 2 | Readership | 563,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 214 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,268 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 12,804 |





## ZIARAH MAKAM

**SULTAN Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bersalaman dengan kaum kerabat diraja Selangor ketika berkenan berangkat menziarahi Makam Kerabat Diraja Selangor di Bukit Malawati, Kuala Selangor, Selangor, semalam. - UTUSAN/ SAHARUDDIN ABDULLAH**

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | MBSA rai media, anak yatim | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 02 Jun 2016 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 279,000 |
| Page No | 42 | Readership | 837,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 129 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,200 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 6,601 |



# MBSA rai media, anak yatim

**MAJLIS** Bandaraya Shah Alam (MBSA) meraikan pengamal media cetak dan elektronik sebagai penghargaan memberikan liputan serta menyalurkan maklumat berkaitan aktiviti serta hebahan berkaitan MBSA dalam satu majlis Hi-Tea Media Massa, semalam.

Datuk Bandar Shah Alam, Ahmad Zaharin Mohd Saad berkata, majlis itu bertujuan mengeratkan hubungan silaturahim antara pihak MBSA dan media.

"Ini kesempatan terbaik untuk saya bertemu dan beramah mesra dengan pihak media.

"MBSA menghargai sumbangan pihak media yang banyak mewar-warkan aktiviti dan program MBSA, sekali gus meningkatkan imej MBSA di mata masyarakat," katanya.

Pada program sama, seramai 15 anak yatim menerima sumbangan cenderahati bernilai RM100 setiap seorang.



**Ahmad Zaharin turut menyampaikan cenderahati kepada anak yatim.**
Foto: AFIQ RAZALI

| Headline | PKNS hargai warga kerja | | |
| --- | --- | --- | --- |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 02 Jun 2016 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 279,000 |
| Page No | 42 | Readership | 837,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 181 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,087 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 9,262 |



# PKNS hargai warga kerja

**PERBADANAN** Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) meraikan 183 warga kerjanya yang terdiri daripada 79 penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan 104 penerima Anugerah Perkhidmatan Lama 20 sehingga 35 tahun dan pesara di Hotel De Palma, Shah Alam.

Pengurus Perhubungan Awam PKNS, Ishak Hashim berkata, majlis penganugerahan itu bertujuan menghargai warga kerja PKNS yang menjalankan tugas dengan cemerlang selain menunjukkan komitmen tinggi sepanjang tempoh berkhidmat.

"Kejayaan yang diperoleh PKNS sepanjang 52 tahun ini hasil sokongan warga kerja PKNS yang cekap, amanah, kompeten dan berintegriti tinggi.

"Warga kerja PKNS memainkan peranan penting bagi memastikan perbadanan terus berdaya saing dan berada di landasan tepat selaras dengan objektif serta matlamat penubuhannya," katanya.

Majlis disempurnakan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Mohd Amin Ahmad Ahya, yang juga Ketua Perkhidmatan Awam di Selangor.

Hadir sama, Pengurus Besar PKNS, Azlan Md Alifiah.



Mohd Amin (dua, kiri) menyerahkan sijil kepada pekerja cemerlang.

Powered by: isentia

| Headline | Perlawanan amal bantu bekas pemain kebangsaan | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 02 Jun 2016 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 279,000 |
| Page No | 42 | Readership | 837,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 277 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,725 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 14,175 |



# Perlawanan amal bantu bekas pemain kebangsaan



Perlawanan amal melibatkan bekas pemain bola sepak Selangor dan Pahang yang diadakan di Stadium Jugra.

**PERLAWANAN** amal melibatkan bekas pemain bola sepak Selangor dan Pahang, Sabtu lalu di Stadium Jugra, mengimbau kenangan zaman kegemilangan mereka suatu ketika dahulu.

Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, buat pertama kalinya Stadium Jugra menjadi lokasi perlawanan amal bola sepak di antara pasukan bekas pemain Selangor menentang bekas pemain Pahang.

Menurutnya, perlawanan amal itu juga diadakan sempena Kejohanan Bola Sepak 9 Sebelah Piala Dato Dr Ahmad Yunus Hairi, anjuran Pusat Khidmat Masyarakat Dun Sijangkang.

Ia bertujuan mengutip sumbangan ikhlas daripada orang ramai untuk disalurkan kepada dua bekas pemain kebangsaan era 80-an, Zapril Hashim dan Azhar Mohd Sharif.

"Perlawanan amal yang mendapat kerjasama Persatuan Bolasepak Melayu Selangor (PBMS) itu, turut membawakan beberapa nama besar dalam pasukan Selangor seperti Malik Rahman, Jamaludin Norbit, Jaya Khantan, K Gunalan, Nizarudin Yusof dan Ghani Ali.

"Manakala, bagi pasukan Pahang pula antaranya Suriamurti, Abu Hassan, Zamri Mat Leh, Nishahafuddin Ahmad, Kamaruddin Shawkhathali dan Ahmad Tarmizi Md Tahar," katanya.

Dalam pada itu mengulas mengenai Kejohanan Bola Sepak 9 Sebelah Piala Dato Dr Ahmad Yunus Hairi, Mohd Azhar berkata, kejohanan itu bertujuan mencungkil bakat baharu di sekitar Kuala Langat yang boleh diketengahkan ke peringkat lebih tinggi pada masa hadapan.

"Ia berjaya menarik 180 peserta dengan penyertaan 20 pasukan dari sekitar Kuala Langat bagi merebut hadiah wang tunai dan piala pusingan," katanya.

Kejohanan tersebut menyaksikan pasukan BFC dinobatkan johan dengan membawa pulang wang tunai berjumlah RM3,000 berserta medal.

Manakala, tempat kedua dan ketiga dimenangi pasukan Sungai Rambai dan EVO 9 membawa pulang RM750 dan RM500 berserta medal.

Selain itu, Amni Faiz daripada pasukan BFC dinobatkan sebagai pemain terbaik kejohanan kali ini.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Pemilik, pengusaha kilang dipantau | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 02 Jun 2016 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 279,000 |
| Page No | 40 | Readership | 837,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 346 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,902 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 17,706 |



# Pemilik, pengusaha kilang dipantau

## Perlu tingkat tahap kebersihan asing sisa sampah kitar semula dengan lebih cekap

**ALAM JAYA** - Pemilik dan pengusaha kilang di Kawasan Perindustrian Alam Jaya, diingatkan supaya meningkatkan tahap kebersihan dan melaksanakan pengurusan sampah dengan lebih cekap.

Setiausaha Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), Azahari Sairin berkata, pemilik dan pengusaha kilang perlu peka dengan kepentingan pengurusan sampah dan pengasingan sisa yang boleh dikitar semula.

Menurutnya, tahap kebersihan kawasan perindustrian perlu dipertingkatkan kerana ia dikunjungi pelabur luar negara dan boleh memberikan tanggapan buruk jika pengurusan sampah di kawasan itu tidak diselia dengan baik.

"Kerjasama pemilik, pengusaha kilang dan penduduk di daerah ini penting bagi membantu MDKS melaksanakan kerja pengasingan dengan menghantar sampah yang boleh dikitar semula ke pusat pengumpulan kitar semula.

"Pusat pengumpulan kitar semula ada dibuka di pekan lama Kuala Selangor dan di Tanjong Karang," katanya selepas merasmikan Program Gotong-Royong Perdana di Taman Industri Alam Jaya.

Beliau berkata, inisiatif itu diambil sebagai usaha berterusan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk membendung penularan wabak denggi dan menceriakan semula kawasan perindustrian tersebut.

Jelasnya, program gotong-royong itu meliputi kerja pembersihan sekitar kawasan terpilih, pembersihan saluran longkang dan hiasan landskap di pintu masuk kawasan perindustrian.

"Pendekatan ini juga sebagai serampang dua mata dan memberi ruang kepada MDKS memberi penerangan kepada pemilik dan pengusaha kilang kepentingan pengurusan sampah dan pengasingan sampah kitar semula," katanya.

Selain itu katanya, MDKS turut menyediakan tong pengumpulan minyak masak terpakai di lima masjid terpilih iaitu di Bandar Melawati, Puncak Alam, Saujana Utama, Desa Coaldfield dan Tanjong Karang.

Bahkan, MDKS akan membayar sebanyak 80 sen bagi setiap liter minyak masak terpakai kepada mereka yang bekerjasama membuang sisa minyak di kawasan ditetapkan.

Dalam perkembangan lain, Azahari menegaskan, pihaknya sentiasa mengambil berat isu sampah haram yang turut mengundang pelbagai implikasi kepada kesihatan penduduk akibat tindakan pihak tidak bertanggungjawab.

"Kerjasama masyarakat setempat menyalurkan maklumat sahih penting bagi membolehkan MDKS bertindak pantas membendung pembuangan sampah haram di daerah ini.

"Orang ramai yang terlihat aktiviti pembuangan sampah haram di kawasan persekitaran mereka boleh menyalurkan maklumat terus kepada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam MDKS.

"Jika individu itu berjaya dikesan dan terbukti bersalah, hadiah disediakan kepada pemberi maklumat," katanya dalam satu kenyataan media kepada *Sinar Harian*, semalam.



AZAHARI

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Pemilik, pengusaha kilang dipantau | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 02 Jun 2016 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 279,000 |
| Page No | 40 | Readership | 837,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 346 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,902 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 17,706 |




**Kerja pembersihan yang dilaksanakan pada Program Gotong-Royong di Alam Jaya.**

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Pembatalan projek bakal beri kesan | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 02 Jun 2016 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 279,000 |
| Page No | 37 | Readership | 837,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 298 cm² |
| Journalist | Nor Azihan Md Ghazali | AdValue | RM 5,083 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 15,249 |



# Pembatalan projek bakal beri kesan

**Perubahan laluan hanya akan jejaskan dua pembinaan mega, TNB perlu teruskan projek penghantaran talian elektrik**

**NOR AZIHAN MD GHAZALI**

**SHAH ALAM** – Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan meneruskan projek penghantaran talian elektrik 275/132kv dari Taman Cheras Hartamas ke PMU Mahkota Cheras berikutan keperluan mendesak bagi membekalkan elektrik bagi dua projek penting iaitu Loji Rawatan Air Langat (Langat 2) dan laluan MRT Sungai Buloh-Kajang.

Jurucakap TNB berkata, laluan projek berkenaan tidak akan diubah kerana ia telah diluluskan Kerajaan Selangor dan bebas daripada bebanan.

"Sebarang perubahan akan memberi kesan kepada pentauliahan Loji Langat 2 dan talian MRT Sungai Buloh-Kajang.

"Tambahan lagi, kedua-dua projek mega ini memerlukan bekalan elektrik pada Disember ini," katanya melalui satu kenyataan kepada *Sinar Harian* semalam bagi menjawab bantahan yang dikemukakan penduduk Taman Cheras Hartamas.

Menurutnya, kelewatan membekalkan elektrik akan memberi kesan besar kepada kedua-dua projek itu memandangkan talian penghantaran adalah 'penyambung' kedua-duanya.

"Dari segi undang-undang, TNB boleh meneruskan projek ini kerana telah mendapat kelulusan untuk memasuki tapak projek sebagaimana ditetapkan dalam Akta Elektrik 1990.

"Bahkan TNB juga mendapat kelulusan daripada Kerajaan Selangor bagi hak laluan untuk talian penghantaran sejak 13 Ogos 2014," katanya.

Beliau berkata, projek penghantaran oleh TNB melalui sambungan ke pencawang Mahkota Cheras amat kritikal bagi mengukuhkan sistem bekalan elektrik di Lembah Klang.

"Kini TNB sedang membina talian penghantaran 275/132kv sepanjang 12.9 kilometer (KM) ke Pencawang Mahkota Cheras bagi menyediakan bekalan elektrik kepada Projek Langat 2 dan MRT Sungai Buloh-Kajang serta menampung permintaan elektrik yang semakin meningkat di Mahkota Cheras dan kawasan sekitarnya.

"Tenaga elektrik dialirkan daripada talian 275/132 kv Pudu Ulu-Serdang/Balakong-SPK Cheras-Bandar Tun Razak sedia ada kepada PMU Mahkota Cheras," katanya.

Menurut TNB lagi, talian penghantaran ini juga adalah sebahagian daripada Grid Nasional yang bertujuan mengukuhkan kestabilan dan daya harap bekalan elektrik untuk Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Projek ini dijadualkan siap pada Disember ini melibatkan tujuh *monopole* akan dibina berhampiran Taman Cheras Hartamas.

"Keseluruhan projek ini melibatkan 67 menara termasuk tujuh menara berhampiran kawasan Taman Cheras Hartamas," katanya.

Katanya, setakat ini dua telah siap sepenuhnya manakala pembinaan satu lagi terhenti sejak 2010 berikutan bantahan penduduk.

"Oleh itu, kerja-kerja mendirikan menara dijangka siap sepenuhnya pada akhir Julai ini," katanya.

Dalam pada itu, TNB berkata, beberapa siri taklimat, dialog dan mesyuarat berhubung projek itu telah dijalankan dan diselaraskan oleh agensi-agensi negeri sejak 2009.

"Isu ini juga telah dibincangkan 13 kali dalam mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor sejak 2009.

"Dengan mengambil kira pandangan semua pihak, kerajaan negeri meluluskan penjajaran talian penghantaran pada 13 Ogos 2014 selepas membuat segala usaha yang wajar ke atas pilihan yang munasabah, termasuk yang dicadangkan penduduk," katanya.

Tambahnya lagi, projek yang bermula pada 2008 itu pernah ditangguhkan hampir enam tahun sementara menunggu keputusan kerajaan negeri berikutan wujudnya bantahan awam.

Terdahulu, penduduk Taman Cheras Hartamas membuat bantahan terhadap projek berkenaan yang dikatakan begitu hampir dengan kediaman dan laluan ke kawasan perumahan mereka melalui pertemuan dengan Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib.


Penduduk bantah projek elektrik

Kerajaan negeri akan pastikan isu jajaran talian elektrik mengikut piawaian digariskan

Laporan *Sinar Harian*, semalam.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Media, PBT saling melengkapi | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 02 Jun 2016 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 279,000 |
| Page No | 36 | Readership | 837,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 183 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,122 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 9,365 |


35 notis kesalahan direkod

Media, PBT saling melengkapi

# Media, PBT saling melengkapi

**SHAH ALAM** – Media dan pihak berkuasa tempatan (PBT) tidak boleh dipisahkan dan saling memerlukan antara satu sama lain.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad berkata, media dan PBT harus berganding bahu dalam menyampaikan mengenai program yang dianjur PBT kepada masyarakat.

"Media dan PBT ibarat lagu dan irama. Kedua-kedua entiti ini memang saling memerlukan antara satu sama lain.

"Media sentiasa memberikan laporan yang seimbang dan sentiasa menegur serta memaklumkan kelemahan PBT.

"Ada juga perkara baik yang kita lakukan terhadap masyarakat telah digambarkan oleh media terutamanya di sekitar Shah Alam," katanya ketika lawatan rasmi ke Kumpulan Media Karangkraf Sdn Bhd (Karangkraf), di sini, semalam.

Justeru, beliau berkata, peranan media dan PBT perlu diperkasakan dari semasa ke semasa supaya hubungan yang baik dapat diwujudkan.

Sementara itu, Zaharin bersama 20 kakitangan MBSA yang terdiri daripada Pengarah Jabatan, Ketua Bahagian dan Pengurus Cawangan meluangkan masa selama dua jam melawat Karangkraf.

Lawatan bertujuan mengeratkan hubungan silaturahim antara MBSA dengan media termasuk akhbar *Sinar Harian*, sekali gus meningkatkan imej PBT berkenaan di mata masyarakat.



Pengarah Urusan Karangkraf, Datuk Dr Hussamuddin Yaacub menerangkan al-Quran yang diterbitkan Karangkraf kepada Zaharin.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Tiada peluang kedua MBSA | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 02 Jun 2016 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 279,000 |
| Page No | 35 | Readership | 837,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 94 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,603 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,810 |


‘Jangan mudah melatah’

Tiada peluang kedua: MBSA

# Tiada peluang kedua: MBSA

**SHAH ALAM** – Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) mengingatkan peniaga bazar Ramadan supaya tidak menjual permit diperoleh mereka kepada pihak ketiga.



AHMAD ZAHARIN

Datuk Bandar MBSA, Ahmad Zaharin Mohd Saad berkata, pihaknya tidak teragak-agak untuk membatalkan lesen dan menyenaraihitamkan nama mana-mana individu yang didapati melakukan perkara berkenaan.

Katanya, MBSA juga tidak akan memberi peluang kedua kepada pemilik permit kerana pelakuan tersebut adalah kesalahan serius.

“Pada tahun ini, kita belum kenal pasti ada individu tertentu yang melakukan kesalahan tersebut dan aduan daripada orang ramai juga masih belum diterima.

“Saya jangka aduan mengenai perkara ini mungkin akan diterima menjelang Ramadan nanti,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, kira-kira satu peratus daripada jumlah pemilik lesen bazar Ramadan didapati melakukan kesalahan berkenaan pada tahun lalu.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Sultan titah patuhi enakmen lambang | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 02 Jun 2016 | Color | Black/white |
| Section | Nasional | Circulation | 279,000 |
| Page No | 35 | Readership | 837,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 77 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 758 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,274 |



# Sultan titah patuhi enakmen lambang

**SHAH ALAM** - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah mengingatkan rakyat negeri ini supaya mematuhi Enakmen Lambang-Lambang dan Nama-Nama (Mencegah Daripada Salah Guna) (Pindaan) 2016 yang diluluskan kerajaan negeri, 1 April lalu.

Baginda bertitah demikian setelah mempengerusikan sidang Mesyuarat Dewan di-Raja Selangor Yang Ke-143 pada 30 Mei lalu.

Menerusi satu kenyataan Setiausaha Dewan Di Raja Selangor, baginda turut mengingatkan agar rakyat negeri ini menghindari segala larangan yang termaktub di dalam enakmen tersebut bagi mengelakkan tindakan denda yang lebih berat atau penjara atau kedua-duanya sekali yang telah dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa.

Titah baginda lagi, rakyat di negeri ini perlu mematuhi setiap undang-undang di negara ini untuk mengelakkan permasalahan agar masyarakat berbilang kaum dapat hidup di dalam keadaan yang aman dan harmoni.

Dalam pada itu, baginda merakamkan ucapan selamat menunaikan ibadah puasa kepada seluruh masyarakat beragama Islam.

Titahnya, baginda berharap rakyat dapat menjalani ibadah puasa dengan tabah agar segala amal ibadah yang dikerjakan diberkati.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Azmin perlu bercuti | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 02 Jun 2016 | Color | Black/white |
| Section | Nasional | Circulation | 279,000 |
| Page No | 14 | Readership | 837,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 83 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 817 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,451 |


5 PALING HANGAT
Dalang dikenal pasti
Didakwa miliki tiga butir bom
Azmin perlu bercuti

# Azmin perlu bercuti

**PETALING JAYA** - Pertubuhan Minda dan Sosial Prihatin (PMSP) berpendapat Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali perlu bercuti, sementara menunggu siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung bukti kes rasuah dalam kerajaan negeri pimpinannya selesai.

Presiden PMSP, Ramesh Rao berkata, ia satu langkah yang baik untuk bercuti dan memberikan laluan kepada SPRM menjalankan siasatan tanpa sebarang gangguan.

"Kita desak (Mohamed) Azmin Ali untuk bercuti sementara tunggu siasatan SPRM selesai.

"Jika siasatan menunjukkan beliau bersih dari sebarang salah laku, beliau boleh sambung tugas sebagai MB seperti biasa," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

